

SOALAN NO: 32

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : RABU, 17 JUN 2015

RUJUKAN : L7 [PR-1332-L69116]

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan Rancangan Pembaharuan Semula Bandar (Urban Generation) yang holistik merangkumi penciptaan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan isi rumah perumahan, pengangkutan awam, pencegahan jenayah dan sebagainya demi kemakmuran dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Kementerian Wilayah Persekutuan amat menyokong pendekatan perancangan pembangunan semula bandar (*urban redevelopment*) di dalam Wilayah Persekutuan. Ini terutamanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu bagi memastikan agar kesemua ruang tanah yang ada di ibu kota ini dapat digunakan secara lebih berkesan, ekonomik dan dapat menyumbang di dalam mempertingkatkan keselesaan persekitaran fizikal serta menjana semula (*regenerate*) ekonomi bandar.

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti beberapa kawasan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berpotensi untuk dibangunkan semula secara holistik dengan berteraskan suatu dasar yang sedang disediakan khusus untuk memastikan pembangunan semula bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dapat dilaksanakan secara lebih komprehensif dan teratur.

Ke arah pendekatan pembangunan yang lebih holistik, antara penekanan dasar ini ialah untuk menggalakkan pembangunan semula bandar yang mengambil kira aspek-aspek berikut:

- i) Mempromosi pembangunan mampan dengan menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan inisiatif *low-carbon development*;

- ii) Menggalakkan rekabentuk jaringan pengangkutan yang memberi keutamaan kepada sistem pengangkutan awam;
- iii) Menggalakkan penyediaan rumah mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah;
- iv) Menyediakan rumah khusus untuk golongan istimewa seperti warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU); dan
- v) Menyediakan lebih banyak kawasan lapang dan kemudahan untuk komuniti.

Selain dari itu, dasar ini juga memberi keutamaan kepada pengekalan rangkaian sosial sedia ada di dalam komuniti setempat. Penduduk asal kawasan setempat juga harus diberi peluang untuk turut terlibat di dalam *engagement* dan proses perancangan bagi pembangunan semula .

Bagi menjamin kejayaan program pembangunan semula bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dasar ini turut menyenaraikan beberapa insentif yang bersesuaian untuk diberi sebagai galakan kepada pihak swasta turut bersama melabur dan terlibat dalam pembangunan. Sebagai contoh, insentif dalam bentuk intensiti dan *plot ratio* pembangunan boleh diberi sekiranya pemaju menyediakan teknologi bangunan hijau, kemudahan-kemudahan pengangkutan awam, atau kawasan lapang dan kemudahan komuniti.